

# Jawatankuasa khas elak kecederaan pesilat 27 FEB 1990

Oleh RAHMAN HASHIM<sup>3</sup>. Harlan (M)

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pe-saka) disarankan supaya menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi memastikan hanya pesilat yang benar-benar layak dibenarkan menyertai pertandingan.

Yang Dipertua Majlis Gabungan Seni Silat Melaka (MGSSM), Datuk Haji Nasir Manap, berkata langkah itu bertujuan memastikan pesilat yang mengambil bahagian di peringkat kebangsaan tidak mengalami kecederaan teruk.

Menurutnya, sehingga kini belum ada sebarang jawatankuasa atau badan yang ditugaskan untuk menilai kemampuan setiap pesilat yang mengambil bahagian, menyebabkan ada yang mengalami kecederaan.

"Ada pesilat yang menyertai pertandingan di peringkat kebangsaan dipilih mewakili negeri tanpa menjalani latihan, menyebabkan mereka tidak bersedia sepenuhnya untuk menghadapi lawan masing-masing," katanya.

Mengulas kekalahan 14 pesilat negara dalam kejuaraan silat kebangsaan baru-baru ini, beliau berkata kekalahan itu bukan disebabkan prestasi mereka sudah merosot atau menjadi mangsa penggunaan ilmu batin.

"Sebaliknya, kekalahan itu disebabkan semangat pesilat lain yang menjalani latihan begitu gigih sebelum kejuaraan itu dan bersemangat tinggi untuk menewaskan mereka.

"Ada pesilat terbabit melipatgandakan lagi latihan mereka sebelum ini bagi menghadapi pesilat negara dalam kejuaraan itu," katanya.